

Headline	BBCSB manfaat potensi industri buluh negara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	733 cm ²
Journalist	Ahmad Fiesal Othman	AdValue	RM 25,170
Frequency	Daily	PR Value	RM 75,510



BBCSB manfaat potensi industri buluh negara

» Syarikat mahu majukan sektor hiliran jana ekonomi luar bandar

Oleh Ahmad Fiesal Othman

Deket peralihannya untuk bergelar usahawan bermula selepas beliau menamatkan perkhidmatannya sebagai pegawai tentera pada tahun 1995.

Mulanya, Kapten (B) Kamarunsaman Awang berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Gerik Timber Industries Sdn Bhd (GETI), anak syarikat KUB Malaysia Bhd (KUB) yang terbabit dalam industri kilang papan.

Berikutan bekalan kayu balak yang semakin berkurangan dan sukar diperoleh, GETI yang 60+ peratus kepentingannya dimiliki oleh KUB dan bakinya oleh Maju Kastera Sdn Bhd (MKSBB), kemudian beralih arah dengan merenorka industri hiliran buluh.

Syarikat itu menjalin kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk membangunkan projek hiliran industri buluh.

Selepas beberapa tahun, KUB menarik diri daripada projek berkenaan dan MKSBB meneruskan usaha itu hingga membawa kepada penubuhan anak syarikatnya, Bamboo Bio Composites Sdn Bhd (BBCSB) pada 29 Oktober 2004, yang diasaskan oleh Kamarunsaman.

Fokus produk pepapan buluh
Ia memfokus kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengeluaran, pemasaran dan pendedaran produk pepapan buluh.

Kamarunsaman berkata, pihaknya mengambil masa kira-kira tujuh tahun melakukan R&D bersama dengan UPM dan FRIM

untuk mewujudkan kepelbagaian penggunaan buluh.

Katanya, buluh terutama digunakan dalam menghasilkan pepapan buluh untuk kegunaan sebagai bahan asas pengeluaran komponen perabot dan bahan binaan yang mempunyai nilai tambah tinggi serta untuk produk lain.

“Projek buluh bersepada digalakkan oleh kerajaan Malaysia dan secara proaktif bermula pada tahun 1996, yang mana kerajaan menekankan keperluan untuk

membangunkan secara menyeluruh, terutama dalam pengeluaran produk yang mempunyai nilai tambah tinggi seperti pepapan buluh.

“Industri hiliran buluh amat berpotensi dimajukan, yang mana pasaran global kini dianggarkan bernilai kira-kira AS\$7 bilion (RM25 bilion) setahun.

“Menerusi industri ini, kami juga berharap dapat mewujudkan kesan positif terhadap pembangunan sosioekonomi penduduk luar bandar yang mana ia akan membangunkan pusat pemprosesan bersepada,” kata Ketua Pegawai Eksekutif BBCSB itu dalam temubual di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majukan industri hiliran negara

Demi merealisasikan matlamatnya untuk membangunkan industri hiliran buluh dan membantu meningkatkan sosioekonomi penduduk luar bandar, BBCSB berusaha mendapatkan

pembentangan untuk membina kilang dan membuka ladang buluh secara pajakan dan kontrak perladangan yang diusahakan masyarakat luar bandar.

Ia akhirnya berjaya mendapatkan pembentangan untuk membina kilang bernilai RM30 juta di Grik, Perak daripada Kementerian Keuangan dan geran daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi mengeluarkan produk pepapan buluh untuk kegunaan lantai buluh dan perabot.

Kilang yang siap dibina pada 2011 itu ketika ini berkeupayaan mengeluarkan 18,000 meter persegi lantai buluh sebulan dan produk berkenaan dipasarkan dalam kalangan syarikat pembinaan dan pemaju harta tanah, sambil giat berusaha untuk mengembangkan pasaran di dalam dan luar negara.

Teroka pasaran luar negara

BBCSB juga menandatangani perjanjian tertutup (NDA) dengan syarikat perabot serta perkakasan rumah antarabangsa, IKEA bagi memasarkan produknya di semua rangkaian pasar raya berkenaan di seluruh dunia, selain menyasarkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai pelanggan utama.

Ia turut menjalin hubungan erat dengan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) untuk mewujudkan Koperasi Ladang Buluh dan Pusat Pempro-

Headline	BBCSB manfaat potensi industri buluh negara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	733 cm ²
Journalist	Ahmad Fiesal Othman	AdValue	RM 25,170
Frequency	Daily	PR Value	RM 75,510

sesan di beberapa lokasi di Malaysia bagi membangunkan sioekonomi penduduk tempatan dan menjadikan mereka sebahagian daripada keluarga syarikat berkenaan.

Kamarunsaman berkata, pada masa ini BBCSB boleh berbangga kerana kawasan konsesi buluh seluas 1,900 hektar di Gerik, Perak, mengeluarkan buluh tempatan yang dijadikan bekalan untuk produk nilai tambah yang

dihadilkan di kilangnya termasuk juga dari Sik, Kedah dan Jeli, Kelantan.

Sebagai persediaan untuk memastikan bekalan buluh yang mencukupi pada masa hadapan, katanya, syarikat juga membuka ladang buluh seluas 402 hektar di Kelantan yang diusahakan oleh penduduk kampung untuk membantu meningkatkan sumber pendapatan mereka.

“Kami juga sedang menjalin

usaha sama dengan Koperasi Pembangunan Negeri Kedah (KPNK) dan kerajaan Kedah untuk memajak tanah dan diusahakan sebagai ladang buluh,” kata anak bongsu daripada lima beradik itu.

BBCSB menyasarkan jualan sebanyak RM266 juta dalam tempoh lima tahun akan datang dan meningkat kepada RM585 juta apabila ladang buluhnya matang serta mengeluarkan hasil.

Headline	BBCSB manfaat potensi industri buluh negara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	733 cm ²
Journalist	Ahmad Fiesal Othman	AdValue	RM 25,170
Frequency	Daily	PR Value	RM 75,510



PROFIL

Kapten (B) Kamarunsaman Awang

◎ **Jawatan:** Ketua Pegawai Eksekutif Bamboo Bio Composites Sdn Bhd (BBCSB)

◎ **Asal:** Rembau, Negeri Sembilan

◎ **Tarikh Lahir:**
10 Mei 1964

◎ **Isteri:** Naemah Zakaria



Kamarunsaman berbincang dengan pekerja di pejabat mereka di Kawasan Perindustrian Perkayuan Bandariang, Gerik, Perak.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]